

UNIVERSITI SAINS MALAYSIA

Peperiksaan Semester Kedua  
Sidang 1994/95

April 1995

HSJ 231 Tinjauan Sejarah Jepun

Masa: [3 jam]

---

KERTAS PEPERIKSAAN INI MENGANDUNGI TUJUH [7] SOALAN DI DALAM SATU [1] HALAMAN.

Jawab EMPAT [4] soalan.

Semua soalan membawa nilai markah yang sama.

1. Sejauh manakah abad ke-10 merupakan satu titik tolak penting di dalam sejarah institusi di Jepun?
2. "Hatamoto (dan fief mereka) merupakan sebahagian penting sistem kawalan sosial Tokugawa" (John Morris) Bincangkan.
3. "Ogyu Sorai, dalam usahanya menyelamatkan feudalisme, merupakan pemikir pertama yang cuba menyelesaikan krisis yang melanda masyarakat semasa." (Maruyama Masao) Bincangkan.
4. Sejauh manakah dasar perindustrian Meiji menyebabkan keadaan pertanian dan petani menjadi semakin buruk?
5. "Perlembagaan Meiji 1889 yang merupakan hadiah Maharaja kepada rakyat bukan sahaja menyekat hak asasi manusia tetapi menjadi alat penting bagi kerajaan mengawal rakyat". Bincangkan.
6. Sejauh manakah Maharaja Hirohito bertanggungjawab kepada imperialisme Jepun dari 1931 hingga Disember 1941?
7. "Dalam tempoh hampir 1500 tahun sejarah Jepun, peranan wanita hanya berada di pinggiran sahaja". Bincangkan.

-ooo000ooo-